

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI PAHANG

26. (4) Apabila Dewan Negeri dibubarkan pilihan raya hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubarannya, dan Dewan Negeri baru itu hendaklah dipanggil bersidang pada tarikh tidak lewat daripada 90 hari dari tarikh pembubaran itu.

(2) Para Pemerintah boleh memberhentikan atau membubarkan Dewan Negeri.

(3) Dewan Negeri hendaklah berjalan terus selama lima tahun daripada tarikh persidangan yang pertama dan hendaklah terbubar pada hujung tempoh itu, kecuali jika dibubarkan terlebih dahulu.

19.

a) Menjadi warganegara Malaysia

b) Ia perlu berumur 21 tahun dan ke atas

c) Bermastautin dalam negeri

Akan terlucut kelayakannya daripada menjadi ahli menurut Perlembagaan Persekutuan atau menurut Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini atau mana-mana undang-undang seperti yang disebutkan dalam Perkara 20.

20.(1) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat dalam perkara ini, seseorang itu lucut kelayakannya menjadi ahli Dewan Negeri jika-

a) ia tidak sempurna akal atau didapati atau dinyatakan tidak sempurna akal

- b) ia masih dalam bankrap
- c) ia memegang jawatan bergaji
- d) Setelah menjadi ahli majlis Parlimen atau DUN atau setelah bekerja sebagai wakil pilihan raya bagi seseorang yang telah dicalonkan demikian, ia tidak menghantar penyata pilihan raya sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang dalam tempoh dan dengan cara yang dikehendaki oleh undang-undang.
- e) Telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah Persekutuan dan dihukum penjara selama kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada RM2,000.00 dan tidak mendapat pengampunan.
- f) Ia dilucut kelayakannya di bawah apa-apa undang-undang berkenaan dengan kesalahan mengenai pilihan raya kerana menjadi ahli kepada salah satu daripada Majlis Parlimen atau DUN dengan kerana didapati sabit kesalahannya demikian itu atau dalam perkara-perkara mengenai pillihan raya demikian itu ia telah dibuktikan salah kerana melakukan sesuatu kesalahan demikian itu.
- g) Ia dengan sendiri telah mengambil kerakyatan atau menjalankan hak-hak kerakyatan adalah sesebuah negeri asing atau telah membuat ikrar setia kepada sebuah negeri asing.

Fasal (2)

Syarat lucut kelayakan bagi seseorang di bawah perenggan (d) atau perenggan (e) dalam Fasal (1) bolehlah dimansuhkan oleh Raja Pemerintah dan, jika tidak dimansuhkan dalam tempoh demikian, hendaklah habis sendirinya apabila genap tempoh lima tahun mulai dari tarikh dikehendaki dihantar penyata perbelanjaan yang disebut dalam perenggan (d) atau tarikh orang yang didapati sabit kesalahannya itu, seperti yang disebutkan dalam perenggan (e) yang disebut itu, telah dibebaskan

daripada tahanan atau tarikh denda yang disebutkan dalam perenggan (e) telah dikenakan ikut mana yang dikehendaki; dan seseorang itu tidak kucut kelayakkannya menurut perenggan (g) dalam Fasal (1) semata-mata dengan kerana apa-apa yang telah dilakukannya sebelum ia menjadi warganegara.

Fasal (5)

Seseorang yang meletakkan keahliannya dalam Dewan Negeri ini atau mana-mana Negeri lain hendaklah, bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh peletakkan keahliannya berkuatkuasa, hilang kelayakan untuk menjadi ahli dewan negeri ini.

Perkara 21

Seseorang itu pada satu masa yang sama tidak boleh menjadi Dewan Negeri bagi lebih daripada satu kawasan pilihan raya.